

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
5-8	UTEM TAWAR 10 PROGRAM PILIHAN INDUSTRI TEMPATAN	3 JANUARI 2024	MHI ONLINE
9	TVET SEBELUM TINGKATAN EMPAT LIBAT IMPLIKASI TERTENTU, MASIH DALAM PERBINCANGAN	5 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
10	BERI RUANG KELONGGARAN PADA IPT WUJUD IDEA BAHARU PENDIDIKAN	5 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
11	KPT PERLU LAKUKAN ANJAKAN PARADIGMA SEGERAKAN PELAKSANAAN PROGRAM	6 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
12	IPT DISARAN TERIMA CADANGAN PEMAIN INDUSTRI	7 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
13	KEMENTERIAN DIGITAL TERAJUI USAHA TRANSFORMASI DIGITAL AGAR NEGARA DAPAT BERSAING PANTAS	8 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
14	KDN GALAK IPT ANJUR PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN AWAM	9 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
15	JURULATIH SUKAN DI BAWAH KPM, KPT WAJIB ADA LESEN KEJURULATIHAN	11 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
16-18	KPT LAKSANA JERAYAWARA KAMPUS MADANI KE SELURUH NEGARA	12 JANUARI 2024	MY METRO
19-22	LIMA FOKUS UTAMA MELIPUTI 20 LANDASAN HALA TUJU FOKUS KPT TAHUN INI	12 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
23	MEMPERKUKUH MUTU PERKHIDMATAN PENJAWAT AWAM MELALUI TEKNOLOGI TERKINI	15 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
24-27	TRANSFORMASI EKOSISTEM TVET, LAHIR PEKERJA TEKNIKAL MAHIR	16 JANUARI 2024	MHI ONLINE
28-31	TRANSFORMASI EKOSISTEM TVET, LAHIR PEKERJA TEKNIKAL MAHIR	16 JANUARI 2024	MHI ONLINE
32-35	CHINA TAWAR 1000 BIASISWA PERCUMA UNTUK LEPASAN TVET	16 JANUARI 2024	MHI ONLINE
36	CHINA TAMBAH LAGI TAWARAN 1,000 BIASISWA KEPADA LEPASAN TVET	16 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
37	BIASISWA DARI CHINA KEPADA LEPASAN PELUANG TINGKAT KEMAHIRAN SECARA KOMPREHENSIF	16 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
38	KERJASAMA KOMUNITI SETEMPAT KERJAAN NEGERI PENTING DALAM TENTUKAN KESESUAIAN PSH	16 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
39	17 INSTITUSI TVET CHINA SETUJU SEDIA 2,000 KUOTA LATIHAN KEPADA PELAJAR MALAYSIA	16 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
40	CHINA TAWAR 1000 BIASISWA PERCUMA UNTUK LEPASAN TVET	17 JANUARI 2024	MHI ONLINE
41	MELAKA PUSAT LATIH PEMANDU PROFESSIONAL	17 JANUARI 2024	MHI ONLINE
42-45	LAHIRKAN LEBIH RAMAI GENERASI MUDA BERKEMAHIRAN	17 JANUARI 2024	MHI ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
46	PENJAWAT AWAM DIKEHENDAKI LENGKAPKAN PROGRAM PEMBELAJARAN AI UNTUK RAKYAT	21 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
47	ANAK MUDA INDIA PERLU DIBERI PELUANG DALAM TVET BERTEKNOLOGI TINGGI	21 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
48	POLITEKNIK BESUT BANGUNKAN PUSAT TEKNOLOGI KRAF WARISAN TAHUN INI	21 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
49-51	KERAJAAN TERUS KOMITED BANGUNKAN BELIA	22 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
52-55	POLITEKNIK BESUT CIPTA APLIKASI PESANAN MAKANAN UNTUK PESAKIT HOSPITAL	22 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
56-59	PM GESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI HENTI BIROKRASI, BENARKAN UNIVERSITI BUAT KEPUTUSAN	22 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
60-63	JURUUKUR BAHAN MAIN PERANAN PENTING DALAM INDUSTRI PEMBINAAN	23 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
64-67	BADAN TUNGGAL PENARAFAN TVET DIWUJUDKAN SERAGAMKAN KUALITI PROGRAM	23 JANUARI 2024	MELAKA HARI INI
68-71	ALIRAN SAINS DIPANDANG SEPI, TVET JADI PILIHAN	24 JANUARI 2024	KOSMO
72-75	LANTIKAN KONTRAK PERKHIDMATAN AWAM ADALAH SEMENTARA	24 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
76-79	LANTIKAN KONTRAK PERKHIDMATAN AWAM ADALAH SEMENTARA	24 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
80-82	JUMLAH PENJAWAT AWAM AKAN BERKURANGAN DALAM TEMPOH 10 TAHUN	25 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE
83-85	KAJI DULU PENCEN KEPADA AHLI POLITIK	25 JANUARI 2024	MY METRO
86-88	POLITEKNIK DUNGUN CIPTA KERETA ELEKTRIK	28 JANUARI 2024	TRDI
89-91	TEST OF A KING KISAH KEBIJAKSANAAN AL-SULTAN ABDULLAH KEMUDI NEGARA	28 JANUARI 2024	BERNAMA ONLINE

MELAKA HARI INI

3 JANUARI 2024

MHI ONLINE | UTEM TAWAR 10 PROGRAM PILIHAN INDUSTRI TEMPATAN



PELAJAR UTeM sewaktu pembelajaran di makmal berteknologi tinggi.

UTeM tawar 10 program pilihan industri tempatan



LIANA SAHABUDIN

RABU, 3 JANUARI 2024 @ 20:45

Share



Read Time: 1 Minute, 37 Second

DURIAN TUNGGAL 3 Januari – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menawarkan 10 program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan yang menjadi pilihan utama industri tempatan.

Program ditawarkan itu adalah bagi kemasukan pelajar baharu untuk Semester 2 (Mac) Sesi 2023/2024.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Prof Dr. Zulkifilie Ibrahim berkata, ia peluang keemasan yang dinantikan bagi pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang Institusi Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Katanya, peluang ini terbuka kepada calon-calon lepasan diploma, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), politeknik, matrikulasi, asasi dan diploma setarafnya yang belum melanjutkan pengajian.

“Pemohon perlu mempunyai keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 2/2.0, mereka boleh mohon secara dalam talian (percuma) menerusi laman sesawang www.utem.edu.my/kemasukan yang mana tarikh tutup permohonan pada 9 Januari ini.

“Program yang ditawarkan meliputi lima program kejuruteraan iaitu Ijazah Sarjana

Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Industri Dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian.

“Manakala lima program teknologi kejuruteraan pula adalah Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dengan kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Teknologi) dengan kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Produk) dengan kepujian.

“Selain Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, program itu merupakan pilihan utama industri tempatan, nasional dan antarabangsa serta berdaya menyumbang kepada kebolehpasaran tinggi graduan.

“UTeM mempunyai keunikan tersendiri dengan pembelajaran berkonsepkan ‘teaching factory’, manakala setiap program ditawarkan juga dilengkapi dengan pensijilan profesional di samping kokurikulum menepati keperluan industri dunia.

“Hasilnya terbukti dengan kadar kebolehpasaran graduan UTeM terus mencatatkan peningkatan peratusan pada setiap tahun iaitu tahun 2020 (88.1 peratus), 2021 (91.1 peratus) dan 2022 (96.4peratus),” katanya.

BERNAMA

5 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | TVET SEBELUM TINGKATAN EMPAT LIBAT IMPLIKASI TERTENTU, MASIH DALAM PERBINCANGAN

TVET SEBELUM TINGKATAN EMPAT LIBAT IMPLIKASI TERTENTU, MASIH DALAM PERBINCANGAN - ANWAR



05/01/2024 02:23 PM

BERNAMA

5 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | BERI RUANG KELONGGARAN PADA IPT WUJUD IDEA BAHARU PENDIDIKAN

BERI RUANG, KELONGGARAN PADA IPT WUJUD IDEA BAHARU PENDIDIKAN - PM ANWAR



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap di Majlis Wacana Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur hari ini.

BERNAMA

6 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | KPT PERLU LAKUKAN ANJAKAN PARADIGMA SEGERAKAN PELAKSANAAN PROGRAM

KPT PERLU LAKUKAN ANJAKAN PARADIGMA, SEGERAKAN PELAKSANAAN PROGRAM - ZAMBRY



06/01/2024 09:49 PM

BERNAMA

7 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | IPT DISARAN TERIMA CADANGAN PEMAIN INDUSTRI

IPT DISARAN TERIMA CADANGAN PEMAIN INDUSTRI



Ketua Pegawai Eksekutif PKT Logistic Group Sdn Bhd Datuk Seri Dr Micheal Tio (kanan) dan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Dr Mazlan Abd Ghaffar (tengah) berucap pada forum "Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Pemindahan Ilmu dalam Membangunkan Negara, Industri dan Komuniti" semasa Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) semalam.

BERNAMA

8 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | KEMENTERIAN DIGITAL TERAJUI USAHA TRANSFORMASI DIGITAL AGAR NEGARA DAPAT BERSAING PANTAS

KEMENTERIAN DIGITAL TERAJUI USAHA TRANSFORMASI DIGITAL AGAR NEGARA DAPAT BERSAING PANTAS



08/01/2024 10:52 AM

BERNAMA

9 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | KDN GALAK IPT ANJUR PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN AWAM

KDN GALAK IPT ANJUR PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN AWAM



Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah (dua, kanan) merasmikan program Simposium Kesedaran Keselamatan Awam 2024 UiTM, di UiTM Shah Alam Credit: Jabatan Komunikasi UiTM

09/01/2024 06:17 PM

BERNAMA

11 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | JURULATIH SUKAN DI BAWAH KPM, KPT WAJIB ADA LESEN KEJURULATIHAN

JURULATIH SUKAN DI BAWAH KPM, KPT WAJIB ADA LESEN KEJURULATIHAN - AHMAD ZAHID



kredit: FB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

11/01/2024 07:06 PM

METRO

12 JANUARI 2024

MY METRO | KPT LAKSANA JERAYAWARA KAMPUS MADANI KE SELURUH NEGARA

KPT laksana Jerayawara Kampus Madani ke seluruh negara

Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my



Dr Zambry menyampaikan ucap tama pada majlis Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 di Universiti Malaya. FOTO ROHANIS SHUKRI

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan melaksanakan Jerayawara Kampus Madani ke seluruh negara ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti sepanjang tahun ini bagi memperkasakan lagi hala tuju pendidikan tinggi negara.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata ia untuk merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia yang baharu sebagai lanjutan dan kesinambungan pelan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) 2015-2025 akan tamat pada tahun hadapan.

Sehubungan itu, katanya, beliau dan Timbalan Menteri KPT dan pengurusan tertinggi kementerian akan turun padang untuk melihat situasi sebenar di peringkat institusi dan mendengar sendiri keluhan kesah pelaksanaan dasar di peringkat akar umbi.

"Kita akan pastikan aspek kebajikan terutamanya bagi pelajar dan kakitangan dititikberatkan. Saya beri masa selama 12 bulan kepada kementerian untuk mendiagnosis tahap pencapaian pendidikan tinggi kita secara menyeluruh.

"Kita perlu membedah siasat untuk mengenal pasti isu dan punca sebenar kepada permasalahan yang berlaku.

"Dengan cara itu, kita akan dapat maklumat yang tepat untuk merangka strategi jangka panjang pendidikan tinggi negara yang akan dimaktubkan dalam pelan pembangunan pendidikan tinggi negara yang baharu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Majlis Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 di Dewan Tunku Canceled, Universiti Malaya (UM), di sini, hari ini.

Zambry berkata, beliau berpandangan pihak yang berkaitan perlu mengetahui tahap sebenar pencapaian pendidikan tinggi negara ini secara jujur dan terbuka.

"Oleh itu, saya minta supaya pelan baharu yang akan dibangunkan ini mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan melalui sesi libat urus yang lebih menyeluruh.

"Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional atau National Review Committee (NRC) yang ditubuhkan pada tahun lepas telah memperhalusi dasar semasa dan mengemukakan saranan penambahbaikan bagi tempoh jangka masa pendek dan sederhana.

"NRC telah menyediakan landasannya namun skop dan terma rujukannya adalah tidak termasuk penetapan hala tuju jangka panjang pendidikan tinggi negara," katanya.

Beliau berkata, KPT memberikan penekanan kepada lima fokus utama iaitu penyediaan bakat terbaik negara; pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi; pelaksanaan pendekatan baharu program pemindahan dan perkongsian ilmu; pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan fokus kelima iaitu pemantapan ekosistem pemboleh daya.

BERNAMA

12 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | LIMA FOKUS UTAMA MELIPUTI 20 LANDASAN HALA TUJU FOKUS KPT TAHUN INI

LIMA FOKUS UTAMA MELIPUTI 20 LANDASAN HALA TUJU FOKUS KPT TAHUN INI - ZAMBRY



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menyampaikan ucapan pada Majlis Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 di Universiti Malaya hari ini.

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memberi penekanan kepada lima fokus utama meliputi 20 landasan hala tuju yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini, ke arah peningkatan prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi.

Menterinya Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata lima fokus utama itu adalah penyediaan bakat terbaik negara, pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi, pelaksanaan pendekatan baharu program pemindahan dan perkongsian ilmu, pengantarabangsaan pendidikan tinggi, serta pemantapan ekosistem pemboleh daya.

“Sejak hari pertama menggalas amanah dan taklifan sebagai menteri, saya menekuni dan mencermati kesemua dokumen penting khasnya melibatkan strategi dan perangkaan perancangan yang dibangunkan di kementerian ini.

“Justeru, saya dapat rumuskan bahawa terdapat lima dimensi utama yang dapat ditemakan sebagai ‘fokus utama KPT’, selari dengan matlamat dan hasrat yang dirangkumkan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia 2023-2025,” katanya ketika menyampaikan ucapan Landasan Hala Tuju KPT Tahun 2024 di Universiti Malaya di sini hari ini.

Zambry yang hari ini genap sebulan menerajui KPT berkata lima fokus utama itu yang turut meliputi 20 landasan hala tuju itu adalah hasil perbincangan pelbagai pihak yang antaranya menyentuh mengenai sektor pendidikan tinggi negara perlu inklusif dan terbuka kepada semua kelompok termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Bagaimanapun menurutnya lima fokus utama dan 20 landasan hala tuju yang digariskan itu bukanlah sesuatu ketetapan yang tidak boleh diubah, sebaliknya pindaan atau perubahan boleh dibuat dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian yang wajar diberikan keutamaan ke arah meningkatkan prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi.

Menyentuh mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang akan tamat tahun depan, Zambry berkata sudah tiba masa untuk pihaknya merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) baharu pada tahun ini sebagai lanjutan dan kesinambungan pelan berkenaan.

Dalam merealisasikan perkara itu, beliau berkata negara tidak memerlukan satu suruhanjaya khusus ditubuhkan untuk meneliti pencapaian pendidikan tinggi Malaysia berbanding negara serantau seperti Vietnam, Thailand dan Indonesia dan seterusnya memeta hala tuju pendidikan tinggi untuk tempoh masa panjang.

“Memadai dengan penubuhan satu kumpulan pakar bagi meneliti perkara itu. Sehubungan itu, saya beri masa 12 bulan kepada kementerian untuk mendiagnosis tahap pencapaian pendidikan tinggi kita secara menyeluruh.

"Kita perlu membedah siasat untuk mengenal pasti isu dan punca sebenar kepada permasalahan yang berlaku. Dengan cara itu, kita akan dapat maklumat yang tepat untuk merangka strategi jangka panjang pendidikan tinggi negara yang akan dimaktubkan dalam pelan pembangunan pendidikan tinggi negara yang baharu," katanya.

Sementara itu, Zambray berkata KPT akan menganjurkan Jerayawara Kampus MADANI ke semua IPT awam dan swasta seluruh negara bertujuan untuk melihat sendiri situasi sebenar di peringkat institusi serta memastikan aspek kebajikan pelajar dan kakitangan dititikberatkan.

BERNAMA

15 JANUARI 2024

TINTA MINDA | MEMPERKUKUH MUTU PERKHIDMATAN PENJAWAT AWAM MELALUI TEKNOLOGI TERKINI

TINTA MINDA

MEMPERKUKUH MUTU PERKHIDMATAN PENJAWAT
AWAM MELALUI TEKNOLOGI TERKINI



15/01/2024 09:30 AM

MELAKA HARI INI

16 JANUARI 2024

MHI ONLINE | TRANSFORMASI EKOSISTEM TVET, LAHIR PEKERJA TEKNIKAL MAHIR



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi ketika melawat ke ruang pameran sempena Majlis Perasmian TVET Place & Train UTaM@KPT di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTaM), Melaka. Turut Hadir Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh. Foto Iqmal Haqim Rosman

Transformasi ekosistem TVET, lahir pekerja teknikal mahir



LIANA SAHABUDIN

SELASA, 16 JANUARI 2024 @ 21:00

Share



Read Time: 1 Minute, 31 Second

DURIAN TUNGAL 16 Januari – Kerajaan mentransformasikan pemain industri dalam ekosistem bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi membangunkan pekerja teknikal mahir di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, hasrat ini penting bagi memastikan bakat dihasilkan dalam bidang itu memenuhi keperluan pekerjaan masa hadapan.

“Dalam konteks ini, transformasi ekosistem TVET peringkat nasional menjadi titik penting dan kritikal dalam memastikan perencanaan berterusan untuk melonjakkan pencapaian TVET negara.

“Sebagai contoh kita boleh lihat bagaimana penubuhan politeknik pertama di Malaysia pada tahun 1969 iaitu Politeknik Ungku Omar di Ipoh, Perak.

“Kini selepas 55 tahun berlalu sudah terdapat 36 politeknik di seluruh negara yang berjaya melahirkan 676,272 graduan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT yang dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di Dewan Canselor UTeM di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Seri Zambry Abdul Kadir; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin; Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman dan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Turut hadir Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh; Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin.

Ujarnya lagi, pada 2023 terdapat sebanyak 1,345 institusi TVET kendalian kerajaan dan swasta.

“Setiap institusi TVET yang ada di Malaysia mempunyai keunikan tersendiri bagi memenuhi keperluan pasaran buruh negara.

MELAKA HARI INI

16 JANUARI 2024

MHI ONLINE | LEPASAN TINGKATAN 3 BOLEH IKUTI PROGRAM TVET



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berucap pada sidang media sempena Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Lepasan tingkatan tiga boleh ikuti program TVET



LIANA SAHABUDIN

SELASA, 16 JANUARI 2024 @ 20:20

Share



Read Time: 1 Minute, 46 Second

DURIAN TUNGGAL 16 Januari – Kerajaan akan berusaha membantu pelajar lepasan tingkatan tiga untuk mengikuti kursus program Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, pelajar dalam bidang tersebut akan diberikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 5 iaitu setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) .

“Seperti kita tahu TVET telah bertukar daripada pilihan kedua kepada pilihan pertama pelajar, saya telah nyatakan bahawa usaha sedang dijalankan agar pelajar lepasan tingkatan tiga boleh mengikuti kursus TVET.

“Ini kerana mereka akan diberikan SKM tahap satu hingga lima yang setaraf dengan SPM untuk masuk terus ke bidang pekerjaan dipilih mereka.

“Saya dapati ada dalam kalangan lepasan TVET ini memperolehi gaji premium sehingga RM4,000 dan ini tentu lebih baik berbanding graduan dalam kursus akademik yang biasa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT yang turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di Dewan Canselor UTeM di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Seri Zambry Abdul Kadir; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin; Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman dan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Turut hadir Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh; Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata menerusi UTeM dan MTUN, universiti itu bersetuju menyelaraskan kursus-kursus yang ditawarkan sesuai dengan permintaan industri.

“Oleh kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah banyak membawa pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia, sekarang kita memerlukan tenaga mahir dan tenaga mahir itu kebanyakan adalah lepasan TVET.

“Ini cukup penting sebab kita tidak mahu tenaga kerja asing yang akan menguasai bidang ini, kerana kita tahu kemampuan lepasan TVET ini boleh lakukan kerja dengan produktiviti lebih tinggi,” katanya.

MELAKA HARI INI

16 JANUARI 2024

MHI ONLINE | CHINA TAWAR 1000 BIASISWA PERCUMA UNTUK LEPASAN TVET



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan ucapan sempena Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

China tawar 1,000 biasiswa percuma untuk lepasan TVET



LIANA SAHABUDIN

SELASA, 16 JANUARI 2024 @ 19:00

Share



Read Time: 1 Minute, 44 Second

DURIAN TUNGGAL 16 Januari – Kerajaan China menawarkan tajaan biasiswa 100 peratus kepada 1,000 pelajar lepasan program Pendidikan Pembangunan Teknikal dan Vokasional (TVET) tempatan untuk mengikuti kursus di universiti di negara itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, bagaimanapun tawaran itu perlu dibahagikan sama rata kepada semua Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang ada di negara ini.

“Ini adalah satu tawaran yang baik dan saya telah mencadangkan agar 1,000 tempat ini dibahagikan antara institusi TVET yang ada termasuk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan MTUN iaitu universiti yang sediakan kursus bidang teknikal.

“Ia telah dimulakan dan ada sebahagian pelajar kita berada di sana (negara China), seramai 1,000 pelajar ini sebagai tambahan dan pelajar perlu mengikuti kursus tiga bulan hingga satu tahun di sana.

“Sebelum ini sudah ada 200 pelajar kita di sana, kali ini tambahan dan kita pilih lepasan TVET yang tiada diploma atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), selagi mereka bersesuaian kita boleh hantar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT yang turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di Dewan Canselor UTeM, di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Seri Zambry Abdul Kadir; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin;

Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman dan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Turut hadir Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh; Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata kerajaan akan mengkoordinasikan kerjasama dengan MTUN untuk memperkembangkan lagi kebolehpasaran pelajar TVET.

“Sebab itu kita mahu koordinasikan dengan kerjasama MTUN ini, setakat ini di China kita ada kira-kira 100 universiti yang bekerjasama dan ia akan diperluaskan lagi,” katanya.

BERNAMA

16 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | CHINA TAMBAH LAGI TAWARAN 1,000 BIASISWA KEPADA LEPASAN TVET

CHINA TAMBAH LAGI TAWARAN 1,000 BIASISWA KEPADA LEPASAN TVET - AHMAD ZAHID



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tengah) menandatangani plak gimik pelancaran Akademi TVET Wanita@UTeM pada majlis perasmian Program TVET Place and Train UTeM@KPT di Dewan Canselor UTeM. Turut hadir Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (kanan) dan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof Datuk Dr Massila Kamalrudin (depan dua, kiri).

BERNAMA

16 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | BIASISWA DARI CHINA KEPADA LEPASAN PELUANG TINGKAT KEMAHIRAN SECARA KOMPREHENSIF

BIASISWA DARI CHINA KEPADA LEPASAN TVET PELUANG TINGKAT KEMAHIRAN SECARA KOMPREHENSIF



16/01/2024 10:38 PM

BERNAMA

16 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | KERJASAMA KOMUNITI SETEMPAT KERJAAN NEGERI PENTING DALAM TENTUKAN KESESUAIAN PSH

KERJASAMA KOMUNITI SETEMPAT, KERAJAAN NEGERI PENTING DALAM TENTUKAN KESESUAIAN PSH - ZAMBRY



16/01/2024 04:56 PM

BERNAMA

16 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | 17 INSTITUSI TVET CHINA SETUJU SEDIA 2,000 KUOTA LATIHAN KEPADA PELAJAR MALAYSIA

17 INSTITUSI TVET CHINA SETUJU SEDIA 2,000 KUOTA LATIHAN KEPADA PELAJAR MALAYSIA



16/01/2024 03:08 PM

MELAKA HARI INI

17 JANUARI 2024

MHI ONLINE | CHINA TAWAR 1000 BIASISWA PERCUMA UNTUK LEPASAN TVET

UTAMA

RABU 17 JANUARI 2024 MELAKA HARI INI 3

China tawar 1,000 biasiswa percuma untuk lepasan TVET

“Kerajaan akan mengkoordinasikan kerjasama dengan MTUN untuk memperkembangkan lagi kebolehpasaran pelajar TVET.”

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Kerajaan China menawarkan tajaan biasiswa 100 peratus kepada 1,000 pelajar lepasan program Pendidikan Pembangunan Teknikal dan Vokasional (TVET) tempatan untuk mengikuti kursus di universiti di negara itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, bagaimanapun tawaran itu perlu dibahagikan sama rata kepada semua Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang ada di negara ini.

“Ini adalah satu tawaran yang baik dan saya telah mencadangkan agar 1,000 tempat ini dibahagikan antara institusi TVET yang ada termasuk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan MTUN iaitu universiti yang sediakan kursus bidang teknikal.

“Ia telah dimulakan dan ada sebahagian pelajar kita



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh dan Menteri Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir ketika hadir ke Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

berada di sana (negara China), seramai 1,000 pelajar ini sebagai tambahan lagi dan pelajar perlu mengikuti kursus tiga bulan hingga satu tahun di sana.

“Sebelum ini sudah ada 200 pelajar kita di sana, kali

ini tambahan dan kita pilih lepasan TVET yang tiada diploma atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), selagi mereka bersesuaian kita boleh hantar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT yang turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di Dewan Canselor UTeM, di sini, pada Selasa.

Hadir sama Menteri

Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin; Exco Pelancongan, Warisan, Seni

dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman dan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Turut hadir Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh; Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin.

Mengulas lanjut, Dr. Ahmad Zahid berkata kerajaan akan mengkoordinasikan kerjasama dengan MTUN untuk memperkembangkan lagi kebolehpasaran pelajar TVET.

“Sebab itu kita mahu koordinasikan dengan kerjasama MTUN ini, setakat ini di China kita ada kira-kira 100 universiti yang bekerjasama dan ia akan diperluaskan lagi,” katanya.

MELAKA HARI INI

17 JANUARI 2024

MHI ONLINE | MELAKA PUSAT LATIH PEMANDU PROFESSIONAL

2 MELAKA HARI INI RABU 17 JANUARI 2024

UTAMA

Melaka pusat latih pemandu profesional

Faiz Hasan

AYER MOLEK – Litar Latihan dan Ujian Memandu paling lengkap di Malaysia di Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bakal memperkasakan lagi Melaka sebagai negeri cemerlang Pendidikan Pembangunan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menggunakan kemudahan serba canggih dan mengilut piawaian antarabangsa litar berkenaan secara tidak langsung menjadikan Negeri Melaka sebagai pusat mem-

bekalkan pelatih dan juru uji pemanduan di Malaysia dalam melahirkan pemandu yang berhemah.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, pembinaan litar itu juga mampu meningkatkan kapasiti dan standard kompetensi berdasarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia kepada modal insan industri pengangkutan jalan.

"Kerajaan Negeri berharap peranan kemudahan serba lengkap dan canggih ini

dioptimalkan untuk program melibatkan jaringan industri khususnya dengan institusi-institusi berkaitan TVET ada di Melaka.

"Melaka menjadi negeri di Malaysia yang membekalkan pelatih-pelatih dan juru uji yang akan menjadi penilai kepada pemandu-pemandu baharu di Institut Memandu seluruh negara.

"Saya berharap mutu latihan di sini bertaraf antarabangsa, sekali gus melahirkan pengguna jalan raya yang cekap dan berhemah,

sekali gus mengurangkan kadar kemalangan jalan raya," katanya pada sidang media Majlis Perasmian Litar Latihan dan Ujian Memandu di Akademi JPJ, Tiang Dua, di sini, pada Isnin.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari; Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah; Exco Kerajaan Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer serta Exco Pendidikan,

Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengangkutan, Nor Fuad Abdul Hamid; Ketua Pengarah JPJ, Datuk Rospiagos Taha dan Pengarah JPJ Melaka, Muhammad Firdaus Shariff.

Menurut beliau, litar bernilai RM2.5 juta di tapak berkeluasan 2.02 hektar itu mula dibina pada 14 Disember 2021 dan siap sepenuhnya Julai 2023.

Terdahulu Ketua Menteri menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara JPJ, Universiti Teknologi Mara (UTM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Perjanjian itu membatinkan usaha menjadikan akademi itu sebagai Pusat Kecemerlangan Sektor Pengangkutan.

Selain itu Ketua Menteri turut menyaksikan simbolik penyerahan kenderaan pengeksploitasi baharu kepada JPJ Negeri Melaka.



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh (tengah) bersama Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari dan Ketua Pengarah JPJ, Datuk Rospiagos Taha. Foto MIR AZLI



LITAR Latihan dan Ujian Memandu Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

MELAKA HARI INI

17 JANUARI 2024

MHI | LAHIRKAN LEBIH RAMAI GENERASI MUDA BERKEMAHIRAN



DR. Zambry (tengah) ketika menandatangani buku pelawat PMM, diiringi Dr. Muhamad Akmal (tiga kiri), Norizam (dua kanan) pada kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi itu ke PMM.

Lahirkan lebih ramai generasi muda berkemahiran



FIQA JAMAL

RABU, 17 JANUARI 2024 @ 16:00

Share



Read Time: 1 Minute, 14 Second

MERLIMAU 17 Januari – Politeknik Merlimau Melaka (PMM) disaran untuk terus konsisten mempergiat hubungan baik kerjasama dua hala antara pemegang taruh termasuk Kerajaan Negeri dan pemain industri dalam pendidikan TVET.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir berkata, langkah itu secara tidak langsung mampu mengarus perdanakan TVET dalam memastikan negara memiliki lebih ramai generasi muda berkemahiran.

Beliau turut menyatakan komitmen dalam menyelesaikan isu-isu membabitkan infrastruktur PMM supaya proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berterusan dengan suasana kondusif dan selesa kepada pelajar.

“Saya harap hubungan baik PMM dengan semua pemegang taruh termasuk pemain industri dapat diteruskan termasuklah dengan Kerajaan Negeri.

“Ia merupakan langkah kondusif bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir yang berkualiti, seterusnya mengangkat TVET dan memastikan negara memiliki lebih ramai generasi muda berkemahiran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan simbolik Sambutan 20 Tahun penubuhan PMM, di sini, semalam.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Merlimau merangkap Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh dan Pengarah PMM, Norizam Sekak.

Sementara itu, Norizam memaklumkan, pada majlis itu, beliau turut menyampaikan taklimat ringkas serta hala tuju PMM kepada Dr. Zambry dalam menjayakan pelan strategik 2024-2030 yang menyokong pemerkasaan gagasan TVET negara.

“Dalam peluncuran sambutan 20 tahun penubuhan PMM, tiga program lain turut diperkenalkan antaranya TVET On Campus, Polytechnic Social Responsibility (PSR) dan Sistem Merit.

“Kesemua program ini merupakan agenda baharu PMM dan akan terus diperkasakan bermula tahun ini,” katanya.

BERNAMA

21 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | PENJAWAT AWAM DIKEHENDAKI LENGKAPKAN PROGRAM PEMBELAJARAN AI UNTUK RAKYAT

PENJAWAT AWAM DIKEHENDAKI LENGKAPKAN PROGRAM PEMBELAJARAN AI UNTUK RAKYAT



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz

21/01/2024 03:15 PM

BERNAMA

21 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | ANAK MUDA INDIA PERLU DIBERI PELUANG DALAM TVET BERTEKNOLOGI TINGGI

ANAK MUDA INDIA PERLU DIBERI PELUANG DALAM TVET BERTEKNOLOGI TINGGI - AHMAD ZAHID



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (dua, kiri) menyampaikan bantuan tablet kepada 200 orang pelajar Institut Pengajian Tinggi pada Majlis Sambutan Ponggal Perpaduan 2024 di Seksyen 16 hari ini.

BERNAMA

21 JANUARI 2024

BERNAMA | POLITEKNIK BESUT BANGUNKAN PUSAT TEKNOLOGI KRAF WARISAN TAHUN INI

POLITEKNIK BESUT BANGUNKAN PUSAT TEKNOLOGI KRAF WARISAN TAHUN INI



Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi, Dr Mohd Zahari Ismail (kanan) melihat lukisan batik hasil kerja tangan pelajar semester dua Politeknik Besut sempena lawatannya ke politeknik berkenaan.

21/01/2024 07:25 PM

BERNAMA

22 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | KERAJAAN TERUS KOMITED BANGUNKAN BELIA

LENGKAPKAN PENJAWAT AWAM DENGAN PENGETAHUAN DIGITAL PERLU DIUTAMAKAN - CUEPACS



KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Usaha melengkapkan penjawat awam dengan pengetahuan digital perlu diutamakan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif pendigitalan perkhidmatan awam, kata Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Datuk Dr Adnan Mat.

Beliau berkata penglibatan penjawat awam dalam program pembelajaran dalam talian 'AI Untuk Rakyat' yang dilaksanakan sebagai panduan kepada agensi kerajaan bagi memacu agenda digital merupakan langkah positif ke arah menjayakan inisiatif itu.

"Cuepacs merasakan penglibatan penjawat awam dalam program ini akan memberi kesan positif serta nilai tambah yang baik kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam.

"(Teknologi) AI atau kecerdasan buatan merupakan suatu bidang yang mesti dikuasai oleh penjawat awam kerana ia mampu meningkatkan kecekapan dalam memproses sesuatu data selain memberi impak besar kepada pelaksanaan dasar dan penyampaian perkhidmatan dalam pelbagai cara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Adnan berkata sebagai kumpulan yang melaksanakan dasar kerajaan, penjawat awam bertanggungjawab mendahului apa juga inisiatif yang dibawa kerajaan termasuk AI Untuk Rakyat, justeru menyeru semua ketua jabatan memastikan masa yang sesuai disusun bagi kakitangan melengkapkannya.

Terdahulu, semua penjawat awam di peringkat Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan diarah menyelesaikan program AI Untuk Rakyat menerusi surat pekeliling yang dikeluarkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz pada 17 Jan lepas.

Ia boleh diakses melalui www.ai.gov.my dalam bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, serta Tamil, dan ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 'AI Aware' dan 'AI Appreciate'.

-- BERNAMA

BERNAMA

22 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | POLITEKNIK BESUT CIPTA APLIKASI PESANAN MAKANAN UNTUK PESAKIT HOSPITAL

POLITEKNIK BESUT CIPTA APLIKASI PESANAN MAKANAN UNTUK PESAKIT HOSPITAL



Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi, Dr Mohd Zahari Ismail (dua, kiri) menyaksikan simbolik majlis penyerahan Inovasi Aplikasi Sistem Smart Nutrition daripada Pengarah Politeknik Besut, Che Mukthar Bakar (kanan) kepada Pengarah Hospital Besut, Dr Wan Muhammad Faizuddin W. Mohd Fauzi di Hospital Besut hari ini.

JERTIH, 22 Jan (Bernama) -- Pensyarah dan pelajar Politeknik Besut berjaya membangunkan sebuah aplikasi pesanan makanan diet secara dalam talian untuk pesakit di Hospital Besut di sini, bagi menggantikan kaedah manual yang diguna pakai di hospital berkenaan selama ini.

Pengarah Hospital Besut Dr Wan Muhammad Faizuddin W. Mohd Fauzi berkata aplikasi itu membolehkan jururawat melakukan pesanan makanan diet pesakit ke Unit Dietetik dan Sajian hospital, berbanding sebelum ini yang memerlukan mereka menulis dan mengisi sendiri borang pesanan makanan setiap pesakit.

“Selama ini, pesanan dibuat secara mengisi borang dan dihantar ke Unit Dietetik dan Sajian sebanyak dua kali sehari iaitu pada 7 pagi dan 2 petang, sedangkan pesakit sering bertukar-tukar kerana dalam tempoh itu ada pesakit yang baru daftar masuk wad dan ada yang telah dibenarkan keluar wad.

“Ketidakseragaman data yang kita kumpul ini menyebabkan ada makanan yang dipesan dibazirkan, jadi dengan adanya aplikasi ini, ia dapat memantau data secara masa sebenar antara wad, klinik pakar dan dewan bedah dalam proses memesan makanan,” katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Projek Inovasi *Smart Nutrition System* kepada Unit Dietetik dan Sajian Hospital Besut Versi 1.0 di Hospital Besut di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi Dr Mohd Zahari Ismail dan Pengarah Politeknik Besut Che Mukthar Bakar.

Dr Wan Muhammad Faizuddin berkata aplikasi berkenaan juga dapat mengurangkan penggunaan kertas dan menjimatkan masa para petugas.

Aplikasi yang telah digunakan di Hospital Besut bermula 12 Jan lepas itu, katanya menerima maklum balas positif daripada petugas hospital yang menyifatkan ia memudahkan tugas mereka.

Sementara itu, Mohd Zahari berkata inovasi berkenaan dibangunkan oleh pensyarah dan tiga pelajar tahun akhir Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) Politeknik Besut.

“Pada Disember tahun lepas, inovasi hasil penyelidikan dan pembangunan yang memakan masa enam bulan ini memenangi Anugerah Emas pada Program Pameran dan Inovasi Projek Pelajar anjuran Jabatan Teknologi Maklumat Politeknik Besut, yang menampilkan para juri daripada pemain industri dan pensyarah daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM).

“Aplikasi ini julung kali dihasilkan oleh politeknik di negara ini untuk kegunaan hospital dan ia menggambarkan kolaborasi erat antara Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti bersama Hospital Besut dalam mencari penyelesaian inovatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan,” katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

22 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | PM GESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI HENTI BIROKRASI, BENARKAN UNIVERSITI BUAT KEPUTUSAN

PM GESA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI HENTI BIROKRASI, BENARKAN UNIVERSITI BUAT KEPUTUSAN



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap pada Majlis Perasmian Wacana Pemikir Global 2024 di Universiti Malaya, hari ini.

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengarahkan Kementerian Pendidikan Tinggi menghentikan karenah birokrasi lama yang menyaksikan kementerian membuat banyak keputusan bagi pihak universiti.

Dalam ucapannya di pelancaran *Global Intellectual Discourse 2024* di Universiti Malaya hari ini, perdana menteri berkata kementerian itu perlu memberikan ruang di samping membenarkan pihak universiti membuat beberapa keputusan tertentu berhubung keutamaan masing-masing, dan meneruskan program-program mereka.

"Saya bangkitkan perkara ini terutama disebabkan keperluan yang mendesak, dan menyedari hakikat bahawa beberapa perkara yang dilaporkan kepada saya berhubung PISA (Program Penilaian Pelajar Antarabangsa) saya dapati amat meresahkan. Sekiranya gerak kerja biasa masih digunakan, anda akan ketinggalan," katanya.

Dalam ucapannya, Anwar turut menggesa kementerian melaksanakan dasar dan langkah-langkah yang jelas bagi membolehkan sektor pendidikan tinggi di negara ini melangkah maju ke hadapan.

Beliau turut menggalakkan universiti mengembangkan program-program tertentu, terutama dalam kajian Kecerdasan Buatan (AI), dan universiti kemudiannya mungkin boleh melakukan lebih banyak lagi dalam beberapa tahun akan datang.

“Kita tidak mempunyai sumber yang mencukupi, tetapi apa sahaja yang ada mesti dilakukan sekarang, yang bermakna seperti yang saya katakan kepada kementerian, saya mahu sekurang-kurangnya beberapa langkah, beberapa bentuk pelaksanaan diambil sekarang, tahun ini, tiada lagi alasan.

“Kita bercakap mengenai AI, walaupun kita mempunyai dana yang kecil di luar bajet untuk bermula dengan satu fakulti, tetapi saya pasti akan menggalakkan universiti untuk mengembangkan program itu, dan mungkin beri beberapa tahun untuk melakukan lebih sedikit, yang akan membawa kepada wacana masa depan relevan dan bermakna,” katanya.

Sementara itu, Anwar turut menggesa supaya sistem pendidikan prasekolah di negara ini dikaji semula bagi mengelakkan kesenjangan dalam kalangan masyarakat.

“Kalau kita katakan 80 peratus sahaja (anak-anak) masuk prasekolah dengan kategori berbeza, mungkin 40 peratus baik, 40 peratus agak sederhana dan sekitar 20 peratus amat lemah, maknanya tak sampai 50 peratus (baik).

“Maknanya dalam kita bicara soal keadilan, kita sebenarnya lebarkan kesenjangan kota dan desa, kaya kota dengan miskin kota, miskin desa dan miskin pedalaman,” katanya.

Justeru, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata prasekolah yang dikendalikan Kementerian Pendidikan perlu menyediakan kemudahan tambahan secara menyeluruh kepada semua pelajar di negara ini, biarpun ia bermakna kerajaan terpaksa berhadapan kos perbelanjaan baharu.

“Sebab itu gesaan saya dalam tempoh singkat tahun ini 2024, kita sediakan kemudahan tambahan, kita bermula dengan yang asas, misalnya tahun lepas kita belanja RM1 bilion untuk baik pulih tandas sekolah sahaja,” katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

23 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | JURUUKUR BAHAN MAIN PERANAN PENTING DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

JURUUKUR BAHAN MAIN PERANAN PENTING DALAM INDUSTRI PEMBINAAN - NANTA



Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi menyampaikan ucapan pada Perasmian Konvensyen Antarabangsa Ukur Bahan (QSIC) dan Penyampaian Anugerah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (WTCKL).

23/01/2024 01:30 AM

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Peranan juruukur bahan dalam industri pembinaan yang berkembang pesat tidak boleh diabaikan malah lebih ramai tenaga profesional teknikal itu diperlukan ketika ini, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata sebagaimana jurutera dan arkitek, peranan juruukur bahan sangat penting dalam menjayakan setiap aktiviti pembinaan.

“Mereka (juruukur bahan) terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan dan kontrak binaan dari awal hingga akhir.

“Oleh itu, juruukur bahan perlu bekerjasama dengan disiplin lain untuk memastikan kejayaan sesuatu projek,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Konvensyen Antarabangsa Ukur Bahan (QSIC) dan penyampaian Anugerah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur di sini hari ini.

LJBM mempunyai lebih 5,558 ahli yang berdaftar sebagai juruukur bahan profesional ketika ini.

Dalam pada itu, Nanta berkata penganjuran QSIC tahun ini bertujuan merencanakan lagi perbincangan mengenai topik dan isu yang berhubung dengan industri pembinaan khususnya bidang ukur bahan.

“Saya percaya dengan penganjuran QSIC 2023/2024 ini, perkongsian idea, ilmu, pengalaman peserta dan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak khususnya jabatan dan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya, menjadi daya penggerak bagi menjamin kualiti profesion serta industri agar terus mencapai tahap yang lebih cemerlang,” katanya.

Dalam majlis itu, Alexander turut menyampaikan enam anugerah kepada individu dan kumpulan kerja bagi menghargai sumbangan serta kejayaan dalam bidang ukur bahan.

Enam kategori itu ialah Anugerah Emas, Anugerah Pencapaian Khas (Elit dan Inspirasi), Anugerah Inovasi, Anugerah Waja, Anugerah Perdana dan Anugerah Penghargaan kepada media atas jalinan kerjasama sebagai rakan media LJBM.

-- BERNAMA

BERNAMA

23 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | BADAN TUNGGAL PENARAFAN TVET DIWUJUDKAN SERAGAMKAN KUALITI PROGRAM

BADAN TUNGGAL PENARAFAN TVET DIWUJUDKAN, SERAGAMKAN KUALITI PROGRAM - AHMAD ZAHID



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis TVET Negara di Putrajaya hari ini. Turut sama Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad (kiri) dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud (kanan).

23/01/2024 07:31 PM

PUTRAJAYA, 23 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan mewujudkan sebuah badan tunggal penarafan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyeragamkan kualiti kursus yang ditawarkan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata keputusan itu dibuat pada Mesyuarat Majlis TVET Negara Bil 1/2024 yang dipengerusikannya di sini hari ini.

Beliau berkata langkah berkenaan juga antara lain untuk mengelakkan ketidakesuaian atau ketidakajaran kursus yang ditawarkan dengan keperluan industri.

"Penyelarasan dilakukan bagi pengiktirafan dan penarafan kepada kelulusan (lepasan) TVET di mana penyatuan kepada sebuah badan tunggal penarafan ini dilakukan dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

"Ianya adalah untuk menyesuaikan semua kursus TVET berdasarkan kepada permintaan daripada industri, berbeza dengan dahulu di mana silibus dalam TVET ini dilakukan berdasarkan apa yang boleh ditawarkan oleh institusi TVET," katanya dalam sidang media selepas mesyuarat itu.

Ahmad Zahid pada masa sama berharap lepasan TVET dalam negara diiktiraf sebagai ahli teknologi oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yang akan memberi nilai tambah kepada mereka bagi meningkatkan tahap gaji selaras dengan tawaran pihak industri dalam bidang teknologi tinggi.

Katanya, MBOT yang berperanan sebagai badan profesional bagi mengiktiraf ahli teknologi dan juruteknik profesional juga diharap akan terus membantu memperkukuhkan ekosistem TVET negara agar ia mengikut standard bertepatan dengan keperluan industri.

Sebagai pendekatan baharu dalam memperkasakan TVET dalam bidang pertanian dan perladangan, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata Majlis TVET Negara turut memutuskan agar pemetik buah kelapa sawit tidak lagi terdiri daripada pekerja asing, sebaliknya daripada pekerja mahir lulusan institusi TVET yang akan diberikan taraf penuai

“Pendekatan baharu adalah bagi sediakan kursus penuai untuk pelajar ikuti kursus di institusi TVET tertentu bagi menjadi penuai untuk berikan peluang kepada mereka berada di taraf lebih tinggi dalam perladangan dan juga pertanian. Ini akan berikan gaji tinggi daripada pengutip

Selain itu, beliau berkata pengambilan pelajar TVET bagi lepasan Tingkatan Tiga juga akan diperkukuh mulai pengambilan Mac ini dengan Kementerian Pendidikan Malaysia akan melakukan jerayawara untuk menggalakkan pelajar menceburi bidang TVET.

“Perubahan ini dilakukan bagi menggalakkan penyediaan tenaga mahir di peringkat awal usia, sesuai dengan permintaan yang semakin bertambah oleh pihak industri,” katanya.

Program TVET di peringkat sekolah menengah sedang dilaksanakan antaranya melalui Kolej Vokasional, Sekolah Menengah Teknik dan Program Vokasional Menengah Atas.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata Institusi TVET China juga menawarkan lebih 2,000 kuota latihan TVET kepada pelajar Malaysia.

“(Sebelum ini) mereka telah tawarkan setakat ini 2,000 tempat kepada pelajar TVET lanjutkan pelajaran di China, tetapi tawaran terbaharu yang telah sampai kepada MARA (Majlis Amanah Rakyat) melalui UNIKL (Universiti Kuala Lumpur), mereka tawar lebih daripada 2,000 (tempat) atas kepercayaan kualiti lepasan TEVT di negara kita adalah sama taraf dengan kelulusan minimum yang diperlukan oleh institusi TVET di China,” katanya.

Kuota latihan yang diberikan institut TVET China itu dalam pelbagai bidang khususnya berkaitan Kenderaan Elektrik (EV), kecerdasan buatan (AI), teknologi Internet Pelbagai Benda (IoT), tenaga suria, teknologi maklumat dan pemesinan.

– BERNAMA

KOSMO

24 JANUARI 2024

KOSMO | ALIRAN SAINS DIPANDANG SEPI, TVET JADI PILIHAN

Aliran sains dipandang sepi, TVET jadi pilihan

Oleh Dr. Nurul Wahidah Mahmud Zuhudi 24 Januari 2024, 8:25 am



RAMAI pelajar memilih aliran TVET termasuk mereka yang memiliki keputusan akademik cemerlang. – Gambar hiasan

SERING wujud persepsi retorik yang menebal dalam kalangan masyarakat bahawa pelajar yang lebih cemerlang sepatutnya memilih aliran sains semasa di tingkatan empat.

Sebaliknya, pelajar kurang pandai pula cenderung dikaitkan dengan aliran sastera atau seni.

Persepsi yang kurang bernas ini adalah realiti yang cukup menjerat mentaliti pelajar yang terikat dengan pandangan stereotaip masyarakat.

Kemudian, muncul pula usaha dilaksanakan di peringkat sekolah yang ingin secara khusus menilai prestasi pelajar berdasarkan minat dan potensi sebenar mereka.

Justeru itu, ia menuntut usaha menyeluruh pelbagai pihak dalam memberikan pendedahan, dorongan dan motivasi dalam pemilihan aliran bermula seawal tingkatan satu.

Kelonggaran dalam memilih aliran telah menyebabkan program STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) diabaikan dalam pasaran pendidikan, bahkan kajian menunjukkan penurunan ketara dalam jumlah pelajar aliran sains sejak tahun 2015.

Meninjau pendapat masyarakat di media sosial yang berbau sinis mengenai graduan program STEM turut menggambarkan realiti sebenar dihadapi dalam dunia pekerjaan sekarang.

Graduan program STEM dikatakan sukar untuk lulus dengan cemerlang, mendapat persaingan sengit di sektor pekerjaan, tidak menjamin peluang pekerjaan, malah faktor gaji yang rendah juga dibahaskan.

Laporan Perangkaan Malaysia 2022 turut merekodkan peratus penawaran kerja tertinggi daripada program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) berbanding STEM, ia mengiyakan telahan itu.

Berkongsi pemerhatian di sesetengah institusi pendidikan tinggi (IPT), sebahagian program aliran sastera atau seni menunjukkan peningkatan jumlah pelajar yang sangat memberangsangkan berbanding program aliran sains.

Daripada perspektif berbeza, keterbatasan peluang pekerjaan dalam program STEM telah menarik minat para graduan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi seperti Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang ditafsirkan sebagai akses kepada pasaran kerja lebih luas dan gaji lumayan.

Para bakal graduan pada saat ini ternyata cenderung mengambil langkah lebih proaktif dalam mencorak jaminan masa hadapan mereka.

Dengan dorongan ibu bapa, mereka berpeluang merencana program pilihan yang sewajarnya bersandarkan kemampuan dan minat.

Sesetengah ibu bapa juga lebih rasional dan terbuka dengan memberi kebebasan memilih asalkan ia menjamin peluang kerjaya untuk anak mereka.

Perlu ada perancangan yang kukuh daripada institusi pendidikan menilai semula dasar penawaran kurikulum.

Pendedahan awal dalam pelbagai bentuk program kesedaran dilihat lebih efisien bagi menarik minat pelajar secara berkala seperti disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tidak dinafikan, faktor status negara maju juga menjurus kepada keperluan sumber manusia yang beraliran sains, berprestasi tinggi dan kompeten.

Oleh itu, kecenderungan memilih aliran yang betul adalah langkah strategik dalam menentukan hala tuju tenaga kerja supaya relevan dengan permintaan industri.

BERNAMA

24 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | LANTIKAN KONTRAK PERKHIDMATAN AWAM ADALAH SEMENTARA

LANTIKAN KONTRAK PERKHIDMATAN AWAM ADALAH SEMENTARA - JPA



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Pengambilan secara lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam merupakan langkah interim (bersifat sementara) ke arah pelaksanaan kaedah baharu lantikan tetap pegawai awam yang akan melibatkan pindaan akta berkaitan.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam kenyataan hari ini memaklumkan pegawai yang dilantik menerusi lantikan kontrak (interim) akan dilantik secara tetap menerusi kaedah baharu di bawah sistem saraan perkhidmatan awam yang akan dimuktamadkan kelak.

"Lantikan ke jawatan tetap ini juga tertakluk kepada prestasi dan perakuan Ketua Jabatan selanjutnya.

"Pelantikan ini adalah berdasarkan peraturan dan dasar semasa yang berkuat kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Urusan Perkhidmatan (UP) termasuk penetapan gaji dan kemudahan," katanya.

Menurut JPA, kerajaan pada 12 Julai 2023 memutuskan supaya suatu kaedah baharu bagi lantikan tetap pegawai awam diperkenal ke arah mengukuhkan lagi sistem saraan perkhidmatan awam.

Kenyataan JPA memaklumkan keputusan itu diambil bagi memastikan kemampanan kewangan kerajaan bagi jangka panjang.

JPA turut berharap penambahbaikan terhadap sistem saraan perkhidmatan awam dapat memacu kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam serta menjaga kebajikan penjawat awam selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sementara itu, menerusi soalan lazim (FAQ), JPA memaklumkan urusan lantikan kontrak (interim) dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan lantikan Pegawai Awam Persekutuan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dengan Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis dikecualikan dalam urusan berkenaan.

Menurut JPA, permohonan lantikan kontrak (interim) adalah seperti lantikan tetap sebelum ini menerusi portal SPA9 dengan semua urusan pengambilan dilaksanakan oleh SPA.

“Tempoh kontrak pegawai yang dilantik secara kontrak (interim) adalah selama tiga tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuat kuasa. Gaji pegawai lantikan kontrak (interim) adalah sama seperti pegawai lantikan tetap,” katanya.

Selain itu, faedah dan kemudahan yang disediakan untuk pegawai lantikan kontrak (interim) adalah berdasarkan peraturan serta dasar semasa yang berkuat kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Urusan Perkhidmatan (UP).

Menurut JPA, proses penilaian prestasi bagi pegawai kontrak (interim) adalah berdasarkan polisi dan peraturan semasa yang berkuat kuasa manakala proses pemberhentian/penamatan pegawai adalah berdasarkan terma kontrak.

Menyentuh isu sama ada urusan penentuan gaji permulaan semasa lantikan kontrak (interim) mengambil kira pengalaman sektor pekerjaan terdahulu, JPA berkata ia boleh dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik tertakluk kepada peraturan dan dasar semasa yang sedang berkuat kuasa.

BERNAMA

BERNAMA

24 JANUARI 2024

TINTA MINDA | PENYELIDIK UNIVERSITI PERLU BERMINDA INOVASI BANTU PENGUSAHA INDUSTRI

TINTA MINDA

PENYELIDIK UNIVERSITI PERLU BERMINDA INOVASI BANTU PENGUSAHA INDUSTRI



24/01/2024 10:00 AM

Aktiviti inovasi dalam kalangan penyelidik universiti adalah komponen penting dalam pembangunan ilmu dan teknologi serta dalam memajukan pengetahuan. Ia memainkan peranan yang signifikan dalam mendorong penemuan baharu, mengembangkan aplikasi praktikal dan membantu masyarakat secara keseluruhannya. Berikut adalah beberapa aspek utama yang perlu diberi perhatian dalam ulasan aktiviti inovasi dalam kalangan penyelidik universiti:

- **Penyelidikan asas**

Universiti sering menjadi tapak penyelidikan asas. Ini membentuk dasar untuk berinovasi ke peringkat yang lebih tinggi dan membangunkan pemahaman yang lebih mendalam tentang dunia.

- **Pembangunan teknologi dan produk baharu**

Penyelidik universiti sering menghasilkan teknologi dan produk baharu yang boleh mempunyai aplikasi praktikal dalam industri. Perkembangan ini sering disertai dengan proses komersial, seperti paten, pelaburan dan kolaborasi dengan industri untuk memastikan teknologi atau produk tersebut mencapai sasaran.

- **Inovasi dalam pendidikan**

Selain penyelidikan, penyelidik universiti juga terlibat dalam inovasi pendidikan. Mereka mencipta program pembelajaran yang lebih baik, menggunakan teknologi untuk meningkatkan pengajaran dan mengembangkan kaedah pengajaran yang inovatif.

- **Kolaborasi dengan industri**

Kerjasama antara universiti dan industri adalah penting dalam memindahkan penemuan dan teknologi universiti ke pasaran. Inovasi ini sering melibatkan pertukaran sumber daya dan pengetahuan antara penyelidik universiti dan syarikat komersial.

- **Pembiayaan dan sumber kewangan**

Untuk membolehkan aktiviti inovasi, penyelidik universiti bergantung kepada pembiayaan, sama ada melalui dana penyelidikan, sumbangan swasta atau kerjasama dengan badan penyelidikan dan pembangunan. Pembiayaan yang mencukupi adalah penting untuk menyokong inovasi.

- **Penyebaran ilmu dan pengetahuan**

Universiti berfungsi sebagai pusat penghasilan ilmu dan pengetahuan. Hasil penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan di universiti harus disebarluaskan secara meluas, melalui penerbitan akademik, penyampaian konferensi dan kerjasama dengan masyarakat sivil dan sektor awam.

- **Inovasi sosial**

Aktiviti inovasi dalam kalangan penyelidik universiti juga melibatkan penyelesaian masalah sosial dan persekitaran. Penyelidik sering berusaha untuk mencari cara-cara inovatif untuk meningkatkan kehidupan masyarakat dan menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik.

Justeru itu, aktiviti berinovasi yang mencapai aspek komersial adalah inti bagi pertumbuhan ekonomi dalam dunia perniagaan masa kini. Inovasi bukan sahaja perlu mempunyai nilai dalam aspek kreativiti, tetapi juga perlu diintegrasikan dengan strategi komersial yang kukuh untuk memastikan kejayaan jangka panjang.

Sebanyak 474 produk/teknologi/perkhidmatan telah berjaya dikomersialkan di pasaran tempatan dan antarabangsa dengan nilai jualan lebih daripada RM540 juta bagi tahun 2016 sehingga 2022. Daripada jumlah tersebut, universiti menyumbang kepada bilangan produk/teknologi/perkhidmatan tertinggi iaitu 136 (29%), diikuti agensi kerajaan iaitu 126 (27%) dan agensi pembangunan teknologi iaitu 88 (18%).

BERITA HARIAN

25 JANUARI 2024

BH ONLINE | JUMLAH PENJAWAT AWAM AKAN BERKURANGAN DALAM TEMPOH 10 TAHUN

Jumlah penjawat awam akan berkurangan dalam tempoh 10 tahun

Oleh Farah Marshita Abdul Patah - Januari 25, 2024 @ 10:46am
farahmarshita@bh.com.my



Keputusan pelaksanaan penjawat awam baharu berstatus tetap tidak berpencen dijangka akan menyebabkan negara berdepan kekurangan penjawat awam dalam tempoh 10 tahun akan datang.- Foto hiasan Bernama

KUALA LUMPUR: Keputusan pelaksanaan penjawat awam baharu berstatus tetap tidak berpencen dijangka akan menyebabkan negara berdepan kekurangan penjawat awam dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Ketua Penerangan BERSATU, Datuk Razali Idris, berkata negara sebenarnya berhutang budi dengan pengorbanan penjawat awam.

Katanya, Kementerian Kesihatan mempunyai kira-kira 250,000 kakitangan awamnya.

"Bilangan itu pasti akan menyusut kerana bakal pembantu perubatan, bakal jururawat, bakal ahli farmasi dan x-ray serta bakal doktor lebih bersedia berkhidmat di klinik dan hospital swasta serta di luar negara.

"Kementerian Pendidikan mempunyai kira-kira 503,000 kakitangan terutama guru yang sentiasa berkorban demi anak bangsa tetapi bayangkan akan berlaku kekurangan bagi tempoh 10 tahun mendatang kerana tawaran kontrak dan tidak berpencen," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Razali berkata, mengambil tanggungjawab yang semakin mencengkam ini, Perikatan Nasional (PN) bersedia dan bersama kira-kira 2.3 juta penjawat awam termasuk anggota pegawai tadbir dan diplomatik (PTD), tentera dan polis menjadikan isu itu sebagai agenda nasional yang perlu dipertahankan secara bersama.

Semalam, Kabinet bersetuju untuk menetapkan syarat bahawa penjawat awam baharu berstatus tetap selepas ini adalah **tidak berpencen**.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata status pencen penjawat awam sedia ada tidak akan terjejas, namun golongan yang baharu dilantik kelak perlu membuat caruman menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sebelum ini, perkara tersebut dimaklumkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz menerusi satu pekeliling yang dikatakan, bakal mengukuhkan sistem saraan perkhidmatan awam di negara ini.

METRO

25 JANUARI 2024

MY.METRO | KAJI DULU PENCEN KEPADA AHLI POLITIK

'Kaji dulu pencen kepada ahli politik'- Cuepacs

Suraya Roslan

suraya@mediaprima.com.my



ADNAN Mat. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berpandangan, kerajaan perlu mengkaji semula pemberian pencen kepada ahli politik jika mengalami kekangan kewangan yang menghalang kerajaan untuk meneruskan skim pencen perkhidmatan awam.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat berkata, sekiranya kerajaan tetap ingin menamatkan skim pencen itu, ia hendaklah terpakai kepada lantikan politik yang layak menerima pencen ketika ini.

"Ketika ini ahli politik yang dipilih menjadi wakil rakyat membabitkan ahli parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) serta dilantik ke dalam jawatan eksekutif seperti EXCO, menteri, timbalan menteri juga layak untuk menerima pencen.

"Pemansuhan pemberian pencen kepada golongan ini terlebih dahulu adalah langkah yang tepat kerana kebanyakan mereka berkhidmat sekitar lima tahun sahaja," katanya pada kenyataan hari ini.

Menurutnya, kumpulan itu bukan sahaja menerima elaun serta peruntukan yang tinggi semasa berkhidmat malah memiliki pelbagai keistimewaan berbanding penjawat awam yang secara purata berkhidmat lebih 30 tahun.

"Keutamaan kepada kerajaan ketika ini adalah mengkaji bagi kes yang berkhidmat waktu singkat tetapi menikmati faedah saraan yang agak selesa dan bukannya menyasarkan kepada penjawat awam sahaja.

"Dalam masa yang sama, Cuepacs menyambut baik pencerahan yang diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bahawa pengambilan secara lantikan kontrak sebagaimana yang diumumkan oleh kerajaan adalah langkah sementara sahaja bagi pengambilan baharu dalam perkhidmatan awam bermula 1 Februari ini," katanya.

Katanya, perjawatan tetap masih wujud tetapi dalam tempoh interim ini hanya dilantik sebagai kontrak sebelum dilantik secara tetap menerusi kaedah baharu di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang akan dimuktamadkan kelak.

"Situasi semasa ini tidak membabitkan lantikan tetap sebelum ini dan tidak seperti kefahaman orang ramai bahawa lantikan baharu kelak hanya diberikan status kontrak sahaja," katanya.

Adnan berkata, kerajaan tidak sepatutnya memansuhkan skim pencen penjawat awam yang secara puratanya berkhidmat untuk negara melebihi 30 tahun sebelum layak menerima faedah saraan.

"Ketika ini penjawat awam dibenarkan membuat pilihan sama ada memilih skim berpencen ataupun caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Walaupun terdapat penjawat awam yang memilih skim caruman KWSP, tetapi kebanyakan mereka lebih memilih skim berpencen kerana ia dianggap sebagai lebih baik dan menjamin kesejahteraan selepas persaraan kelak.

"Dengan skim gaji yang masih rendah dalam perkhidmatan awam ketika ini, skim caruman KWSP ini dilihat tidak membantu penjawat awam mempunyai simpanan hari tua yang baik selepas persaraan kelak," katanya.

Menurut beliau, disebabkan itu, kebanyakan penjawat awam lebih memilih skim pencen kerana kerana ia adalah keistimewaan yang terbaik kepada mereka.

"Kerajaan sewajarnya mengadakan sesi libat urus terlebih dahulu dengan pihak-pihak berkepentingan sebelum terus menetapkan skim caruman KWSP secara mandatori kepada lantikan baharu kelak.

"Sekiranya kerajaan mahu melaksanakan sesuatu perkara, perlulah berlandaskan prinsip tidak dikurangkan faedah semasa yang dinikmati oleh penjawat awam ketika ini," katanya.

Menurutnya, kerajaan harus memastikan gaji yang diterima hari ini mampu memberi kesejahteraan hidup untuk penjawat awam dan dalam masa yang sama gaji ini mampu memberi simpanan untuk hari persaraan kelak.

TRDI

28 JANUARI 2024

TRDI NEWS | POLITEKNIK DUNGUN CIPTA KERETA ELEKTRIK



DUNGUN, 28 Januari 2024 – Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) berjaya mereka cipta sebuah kenderaan elektrik (EV) berkonsepkan 'green mobility' bagi kegunaan dalaman.

Jurucakap Unit Komunikasi Korporat PSMZA berkata, projek berkenaan adalah hasil rekaan empat orang pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) di bawah seliaan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Hasanul Isyraf Mat Junoh.

"Ia telah berjaya menggondol Anugerah Industrial Revolution (IR4.0) dalam pertandingan Student's Project Competition on Innovation & Invention Design (SPEED)," katanya dalam satu kenyataan media yang dihantar kepada UPDI kelmarin.

Menurutnya lagi, kenderaan itu menggunakan bateri 48V dan digerakkan menggunakan 1000W 'brushless direct current' (BLDC) motor.

"Ia mampu mengecas semula bateri dan boleh mencapai kelajuan sehingga 30km/j.

"Kenderaan yang direkabentuk 'buggy' ini telah menjadi kegunaan dalam kawasan PSMZA dan menjadi politeknik pertama yang berjaya merekacipta kenderaan elektrik," ujarinya.

Katanya lagi, seiring dengan hasrat kerajaan bagi menggalakkan penggunaan EV dalam pelbagai sektor, PSMZA juga mengambil inisiatif memperkenalkan dan mempromosi Mini EV-Car di Wacana Pengukuhan Organisasi Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) yang telah diadakan di Politeknik Besut Terengganu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Dr Mohd Zahari Ismail yang sempat memandu uji Mini EV-Car tersebut turut melahirkan rasa bangga di atas kejayaan tersebut.

"Ini membuktikan pelajar lulusan Technical and Vocational Education and Training (TVET) mampu menguasai pengetahuan dan kemahiran praktikal dengan sangat baik," pujinya.

Sehubungan itu, Pengarah PSMZA, Zamra Derahman, turut berpuas hati dengan pencapaian tersebut dan menekankan peranan penting TVET sebagai asas dalam membentuk tenaga kerja mahir dan mendorong kepada pertumbuhan ekonomi.

"PSMZA turut berhasrat untuk mengadakan lebih banyak kolaborasi bersama industri berkaitan bagi memberi nilai tambah yang lebih baik kepada para graduan PSMZA khususnya," ujarinya lagi.

BERNAMA

28 JANUARI 2024

BERNAMA ONLINE | TEST OF A KING KISAH KEBIJAKSANAAN AL-SULTAN ABDULLAH KEMUDI NEGARA

'TEST OF A KING' KISAH KEBIJAKSANAAN AL-SULTAN ABDULLAH KEMUDI NEGARA



Penulis buku yang merupakan Penasihat Undang-undang Yang di-Pertuan Agong Datuk Abdul Rahman Putra Datuk Taha ketika Pelancaran e-book bertajuk "Test of A King" di Istana Negara hari ini. – fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

28/01/2024 08:23 PM

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) – Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah hari ini berkenan melancarkan e-buku bertajuk *Test of A King* di Istana Negara di sini.

Acara ringkas yang berlangsung di Bilik Seri Setia itu menyaksikan Seri Paduka berkenan mengimbas Kod QR bagi membolehkan buku 66 muka surat tersebut dibaca melalui gajet telefon.

Buku itu berkisar tentang kebijaksanaan dan dedikasi baginda dalam mengharungi serta mengemudi negara melalui pelbagai cabaran selain ketidaktentuan politik.

Buku nukilan Penasihat Undang-Undang Yang di-Pertuan Agong Datuk Abdul Rahman Putra Taha dan Penolong Pegawai Undang-Undang Istana Negara Zulharry Abdul Rashid itu turut mempamerkan koleksi penulisan tiga pakar perundangan negara.

Antaranya bab satu bertajuk *The Constitutional Position of His Majesty The Yang di-Pertuan Agong* oleh pakar perlembagaan Profesor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi.

Bab dua yang bertajuk *The King Who Calmed The Storm Through The Rule of Law* pula dihasilkan oleh bekas Presiden Badan Peguam Malaysia (2011-2013) Datuk Lim Chee Wee.

Bekas Ketua Hakim Negara Tun Md Raus Sharif pula menghasilkan bab tiga bertajuk *Appointment of PM8 to PMX*.

Abdul Rahman berkata pihaknya mengambil masa kira-kira lapan bulan untuk menyiapkan e-buku itu dan bercadang menerbitkan buku bercetak selepas ini.